

Pacu kemajuan dalam sektor pendidikan, industri pelancongan

DALAM tempoh hampir lima tahun selepas PRU13 sehingga sekarang, pelbagai pembangunan dapat disaksikan dalam Parlimen Besut.

Bidang pendidikan termasuk pendidikan tinggi dilihat pesat membangun apabila satu demi satu institusi dibina selaras slogan 'Besut Bumi Ulul Albab'.

Sebelum ini, sudah ada dua Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) iaitu MRSM Besut dan MRSM Kota Putera beroperasi di Dun Kota Putera disamping Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan (IPGKSM).

Selain lain, Institut Kemahiran Mara (IKM), Kolej Vokasional Besut dan Giat Mara antara institusi yang melahirkan tenaga mahir di kalangan anak tempatan.

Ahli Parlimen Besut merangkap Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, sepanjang penggal ini, Parlimen Besut mengecapi perkembangan pesat khususnya dalam bidang pendidikan apabila Sekolah Menengah Imtiaz Besut dipindahkan ke kompleks bangunan baru.

Menurutnya, sekolah menengah yang melahirkan



IDRIS

pelajar cemerlang akademik dan hafazan 30 juzuk al-Quran itu menjadi model kepada penubuhan sekolah

seumpamanya di negeri lain selain pembukaan pondokmoden kerajaan negeri di Kampung Padang Landak.



UnisZa Kampus Besut.

"Sekarang kita sudah ada kolej komuniti yang beroperasi di Bandar Jerjih untuk memberi peluang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) khususnya anak tempatan melanjutkan pelajaran dalam bidang animasi peringkat sijil dan diploma," kata beliau yang juga mantan Menteri Besar Terengganu ini.

Idris berkata, sebuah Politeknik bernilai RM69.7 juta yang majlis pecah tanah dirasmikan Timbalan Perdana Menteri pada tahun lalu sedang rancak dalam pembinaan di Bukit Keluang sementara kampus sementara di Kampung Raja.

Menurutnya, Taman

Ilmu mula dipulih kembali bermula dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) diikuti sebahagian lagi akan diserahkan kepada Akademik Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) pada 15 Mac ini (esok).

"Saya jangka beberapa buah universiti dan kolej lagi akan beroperasi di Taman Ilmu dan saya yakin Taman Ilmu dapat dipulihkan secepat mungkin," katanya.

Dalam pada itu, kepakaran universiti dikongsi dengan masyarakat di Parlimen Besut melalui beberapa program melibatkan banyak universiti antaranya UnisZa, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

dan beberapa universiti lain.

Idris berkata lagi, kerja pembinaan projek Pemuliharaan Muara Sungai Kuala Besut yang lebih dikenali Gerbang Pelancongan Antarabangsa Terengganu bernilai RM250 juta juga telah berjalan di Kuala Besut.

Menurutnya, projek yang dirasmikan perdana menteri pada April tahun lalu ini bakal memberi manfaat kepada industri pelancongan dan nelayan tempatan.

Di Hulu Besut, Empangan Paya Peda bernilai RM450 juta juga telah beroperasi sejak dua tahun lalu yang memberi manfaat kepada pesawah di Besut dan Setiu.



Bangunan yang menempatkan Kolej Komuniti Besut di bandar Jerjih.